



**UCAPAN ALUAN
YB TAN SRI NOH BIN OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PERINGKAT KEBANGSAAN PROGRAM NBOS
MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD GOTONG ROYONG TAHUN 2017
PASAR TANI, BANDAR SAUJANA UTAMA
14 OKTOBER 2017, (SABTU)**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Alhamdulillah Rabbi A'lamina wabihi Nastai'n,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

dan Salam Negaraku,

YAB Dato` Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

YB. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim
Ahli Parlimen Kuala Selangor

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dif-Dif Kehormat

Ketua-Ketua dan pegawai Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri

Dan seterusnya, Pihak media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Taa`la, atas izin-Nya kita berpeluang hadir dalam majlis ini.
2. Bagi pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian tetamu kehormat kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato` Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bagi melancarkan Majlis Pelancaran Peringkat Kebangsaan Pogram NBOS My Beautiful Neighbourhood (MyBN) Gotong Royong 2017 pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat Dato` Seri, Yang Bahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato`-Dato`, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

3. Pogram Gotong Royong 2017 merupakan komponen baharu dalam siri aktiviti Program NBOS MyBN. Pada peringkat awal pelaksanaanya pada tahun 2012, tumpuan diberikan pada kerja-kerja kemasyarakatan dengan membaik pulih rumah strata kos rendah dan sederhana rendah seluruh Malaysia di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TPIM).

Kerajaan menanggung antara 70 peratus hingga 90 peratus kos membaik pulih dan menyelenggara perumahan tersebut untuk menyediakan persekitaran kediaman yang lebih selesa dan berkualiti kepada penghuni. Kerajaan juga membantu pihak badan pengurusan bersama (JMB) atau perbadanan pengurusan (MC) menyediakan peruntukan untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan. Antara bentuk bantuan adalah seperti membaiki kerosakan harta bersama, membaiki serta mengganti sistem sanitari, tangki air dan sistem retikulasi, pendawaian semula, mengecat bangunan, membaki dan mengganti bumbung, tangga dan lift. Sejak 2014 hingga 2017, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM395 juta yang melibatkan 80 ribu unit rumah dan seramai 375 ribu orang telah memperoleh manfaat untuk kesejahteraan hidup melalui program ini.

4. Bagi mangsa-mangsa kebakaran yang kehilangan tempat tinggal dan rumah-rumah dhaif, KPKT melalui Jabatan BOMBA dan Penyelamat Malaysia telah membina semula sebanyak 136 buah rumah melalui Program *House Build* untuk menceriakan kembali seramai 680 orang penghuni dengan tempat perlindungan baharu sejak 2012 hingga 2016. Sebanyak RM5.5 juta diperuntukkan untuk program ini. Pada tahun ini, sebanyak 34 projek lagi dirancang di mana 5 projek telah siap untuk kemudahan keluarga terlibat.

5. Sementara itu, sebagai Kerajaan yang prihatin dan berkebijakan, sebanyak 3, 783 projek-projek infrastruktur dilaksanakan oleh KPKT untuk kemudahan rakyat dari tahun 2015 hingga 2017 dengan peruntukan sebanyak RM496 juta meliputi pembaikpulihan jalan raya, pencahayaan lampu jalan, menaiktaraf sistem perparitan, menstabilkan semula cerun yang membahayakan pengguna jalan raya, menaiktaraf tapak pasar, menaiktaraf kawasan pejalan kaki dan sebagainya

Yang Amat Berhormat Dato` Seri, Yang Bahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato`-Dato`, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

6. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa menjadi perjuangan dan keutamaan Kerajaan. Bertepatan dengan pelaksanaan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Unit Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama KPKT telah memulakan usaha baharu di peringkat nasional untuk menyemarakkan aktiviti gotong royong dalam skala yang lebih besar dan meriah. Aktiviti gotong royong ini yang dilaksanakan dengan kolaborasi pelbagai agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri serta penduduk tempatan bertepatan dengan konsep NBOS iaitu perancangan dan pelaksanaan yang *Low Cost, High Impact* dan *Rapid Execution*.

7. Program NBOS Kejiranan Indah (*MyBeautiful Neighbourhood*) MyBN Gotong Royong yang diadakan pada hari ini adalah antara program NBOS Kementerian yang telah berjaya menggabungkan semua sumber melalui kerjasama pintar di antara Kementerian, Jabatan, Agensi Persekutuan, Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan, masyarakat setempat serta sukarelawan daripada pelbagai latar belakang.
8. Untuk makluman YAB Dato'Sri dan semua hadirin, pelancaran program gotong royong di peringkat kebangsaan diadakan di Kuala Selangor oleh YAB Perdana Menteri juga dilancarkan secara serentak oleh YAB Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri dan pemimpin tempatan di peringkat negeri masing-masing di 98 kawasan parlimen seluruh negara dengan penyertaan seramai 50 ribu orang penduduk setempat. Program ini juga disiarkan secara lintas langsung *crossover* oleh RTM di 3 buah negeri lagi melalui slot Selamat Pagi Malaysia iaitu di Tambun Perak, di Sandakan Sabah dan di Sarikei Sarawak.

Yang Amat Berhormat Dato` Seri, Yang Bahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato`-Dato`, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

9. Suka saya mengingatkan kembali akan kepentingan amalan gotong royong supaya dimartabatkan semula sebagai sebahagian daripada cara hidup atau adat resam masyarakat kita. Setelah puluhan tahun

berlalu, gotong royong kian tandus fungsinya khasnya di kalangan masyarakat bandar. Kita tidak mahu menjadi negara maju berpendapatan tinggi yang masyarakatnya individualistik, materialistik serta pudar nilai-nilai kejiranan, penyayang dan prihatin terhadap persekitaran kediamannya.

10. Perpaduan antara masyarakat harus kukuh untuk negara pergi lebih jauh dalam pembangunan negara. Kerajaan telah menyediakan banyak prasarana fizikal dan sebagai pengisiannya aktiviti yang memupuk silaturrahim dan sahsiah insan amat perlu diperbanyakkan. Maka harus ada aktiviti untuk merapatkan jurang persefahaman. Melalui aktiviti gotong-royong akan menyemarakkan semangat bantu-membantu komuniti dan bekerjasama membersihkan taman permainan, longkang, mahupun rumah ibadat dan akan mewujudkan rasa kekitaan yang tulen. Kerjasama dan permuafakatan antara komuniti mampu menangkis pelbagai gejala-gejala buruk dalam masyarakat seperti penagihan dadah, pembuangan bayi, kecurian, wabak penyakit dan sebagainya. Malah dalam kita melangkah ke arah TN50, amalan ini wajar dibudayakan supaya generasi masa hadapan turut menjadikannya sebahagian daripada cara hidup mereka.
11. Berasaskan kepentingan amalan gotong royong, ia perlu diangkat semula dalam masyarakat kita, maka Pelancaran Program Kejiranan

Indah MyBN Gotong Royong ini merupakan simbolik supaya amalan gotong royong dikalangan masyarakat di seluruh pelusuk negara perlu terus dipertahankan. Tidak kiralah apa sahaja bentuk sumbangan sama ada derma wang ringgit atau tenaga untuk gotong royong, kesan gotong royong kepada masyarakat seluruhnya cukup bermakna untuk pembangunan fizikal masyarakat mahupun pembangunan insan.

Yang Amat Berhormat Dato` Seri, Yang Bahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato`-Dato`, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

12. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi atas kesudian YAB Perdana Menteri untuk hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini bagi melancarkan Majlis Perasmian Program MyBN Gotong Royong 2017 di Kuala Selangor ini.

13. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak sama ada dari agensi kerajaan negeri mahupun persekutuan yang telah sama-sama membantu menjayakan majlis ini. Semoga semangat kerjasama ini akan berterusan pada masa-masa yang akan datang.

14. Dengan itu, saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbkth.

Sekian, terima kasih.